

# CUEPACS tidak akan desak SSB II dilaksana segera

UM - 1 FEB 2002

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak akan mendesak kerajaan supaya melaksanakan Sistem Saraan Baru (SSB) II dengan segera bagi membolehkan kajian susulan dijalankan.

Presiden CUEPACS, Datuk N. Siva Subramaniam berkata, pihaknya akan memberi kerjasama penuh kepada kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memandangkan kajian menyeluruh ke atas SSB memabitkan kos yang besar.

"Kami akan memberikan masa yang secukupnya kepada kerajaan kerana implikasi hasil kajian, jika dilaksanakan adalah serius," kata beliau ketika dihubungi di sini, lewat petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa beliau telah meneliti hasil laporan yang dikemukakan oleh JPA pagi ini tetapi mahu beberapa aspek dihalusi sebelum dilaksanakan.

JPA yang mengendalikan kajian selama sembilan bulan menyerahkan laporannya menerusi sesi taklimat khas lebih sejam hari ini.

Dr. Mahathir dalam ulasannya berkata, beberapa aspek perlu diteliti secara mendalam memandangkan ia melibatkan kos yang dianggarkan melebihi RM1 bilion.

Mengulas lanjut kenyataan itu, Siva Subramaniam yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan berkata, CUEPACS ingin melahirkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah memberi perhatian serius, termasuk meminta JPA membuat kajian menyeluruh awal tahun lalu.

"Selepas hasil kajian ini dibentangkan kepada Perdana Menteri, kita pun berkongsi pendapat Dr. Mahathir kerana sebagai ketua kerajaan beliau juga perlu mengambil kira soal kebajikan negara.

"Soal ini melibatkan pelbagai aspek, dan kita akan menggunakan forum musyawarah untuk menyelesaikan aspek-aspek yang perlu diteliti satu demi satu," katanya.

Tambah beliau, CUEPACS akan mengesyorkan kepada kerajaan supaya melaksanakan perkara-perkara yang tidak melibatkan soal kewangan terlebih dahulu manakala yang memerlukan peruntukan wang dikaji secara mendalam sebelum pelaksanaan.

JPA telah menjalankan kajian SSB yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1992 dengan menerima pakai input-input yang diberikan oleh CUEPACS.